

16 APR 1998

Mahathir-Inflasi

DR MAHATHIR MAHU INFLASI DIAWASI

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menekankan pentingnya mengawasi dan menguruskan inflasi memandangkan masalah ekonomi yang dihadapi negara dan rantau sekarang ini.

Beliau berkata, kawalan inflasi merupakan antara syor yang dikemukakan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Kadar inflasi tahun ini yang diramalkan oleh Bank Negara ialah antara enam dan tujuh peratus. Tahun lepas kadar itu ialah 2.7 peratus.

MTEN yang dipengerusikan oleh Dr Mahathir juga membuat syor mengenai bayaran perdagangan menggunakan mata wang negara, dasar dan amalan perbankan, belanjawaan kerajaan dan keutamaan.

"Ada antara perkara-perkara yang kita laksanakan sekarang ini ialah hasil syor MTEN," kata beliau dalam satu temubual yang disiarkan dalam buku bertajuk "Hidden Agenda: In The Eyes Of The Tiger."

Buku yang diterbitkan oleh Lim Kok Wing Intergrated Sdn Bhd itu memberi gambaran yang jelas mengenai masalah ekonomi sekarang ini daripada perspektif Asia. Buku itu dilancarkan oleh Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, usaha paling penting NEAC ialah mengumpulkan data dan membuat analisa mengenai keadaan kewangan dan ekonomi bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di seluruh rantau dan di negara-negara berkaitan yang lain.

Pengalaman negara-negara lain termasuk negara-negara maju dalam menangani krisis serupa juga telah dikaji dengan mendalam, kata beliau semasa menjawab mengenai langkah-langkah yang telah diambil oleh NEAC untuk menangani masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara.

Soalan-soalan yang diajukan kepada Dr Mahathir juga termasuk amaran beliau mengenai spekulasi mata wang secara berlebihan pada tahun 80-an, Perjanjian Perdagangan Dunia (WTO), dakwaan beliau bahawa liputan media barat yang berat sebelah dan tohmahan yang pemimpin-pemimpin Asia berasuah dan kejayaan Asia Timur.

Dalam temubual itu Dr Mahathir berkata, Malaysia sebenarnya boleh pulih kembali dengan cepat jika : "kita lebih berdisiplin."

Mengenai ramalan beliau yang ekonomi negara akan pulih dalam tempoh antara enam bulan dan satu tahun yang beliau buat pada Januari lepas Dr Mahathir berkata: "Tempoh yang dinyatakan itu adalah bergantung kepada sikap kita. Jika mereka yang berperanan besar dalam ekonomi mematuhi nasihat kerajaan (kita tidak boleh mengarah atau memaksa) banyak yang kita boleh capai."

Mengenai amaran awalnya terhadap spekulasi mata wang secara berlebihan, Dr Mahathir berkata kebimbangan mengenai urus niaga terbukti benar manakala kebimbangan sebelum kemerosotan nilai masih wujud.

Beliau berkata pemulihan mungkin tidak dapat bertahan lama kerana jika negara-negara yang dahulunya makmur dan kukuh daripada segi ekonomi, boleh diserang dan menjadi miskin, tidak ada sebab ia tidak akan berulang berkali-kali lagi di masa depan.

"Selagi mata wang boleh diserang tanpa sekatan, selama itulah negara-negara membangun akan dibayangi kebimbangan bahawa ekonomi mereka akan hancur," kata beliau.

Dr Mahathir berkata akibat kegagalan perniagaan, seperti bank tidak lagi untung, kerajaan tidak dapat mengutip hasil yang cukup bagi tujuan pentadbiran dan pembangunan.

"Kestabilan politik dan sosial akan terjejas," kata beliau, sambil menjelaskan bahawa sebarang kekecohan memburukkan lagi keadaan dan menggugat keupayaan kerajaan menangani masalah kewangan dan ekonomi.

Menjawab soalan mengenai sama ada kesimpulan WTO mengenai pembukaan sektor kewangan semasa krisis memuncak adalah secara kebetulan sahaja, Dr Mahathir berkata adalah tidak penting sama ada ia berlaku secara kebetulan atau tidak kerana pada hakikatnya pembukaan pasaran adalah tidak baik bagi negara-negara membangun.

Hakikatnya ialah apa yang berlaku akan memberi kesan buruk kepada negara-negara Asia Tenggara dan negara-negara membangun bukan sahaja tidak mendapat apa-apa tetapi mereka telah kehilangan sebahagian besar kekayaan mereka.

Mengenai liputan media yang berat sebelah, Dr Mahathir mendakwa tiada media yang bebas memandangkan semuanya dikenakan arahan, pengaruh dan manipulasi oleh pemilik-pemilikinya ataupun lembaga pengarang serta wartawan.

Mengenai media barat menuduh pemimpin-pemimpin Asia sebagai berasuah, Dr Mahathir berkata media tempatan mesti mengecam rasuah di kalangan pemimpin tempatan tetapi ia mestilah berdasarkan fakta dan bukan dipengaruhi oleh pihak lain.

Dr Mahathir juga mendakwa yang media tempatan begitu ghairah untuk mendapatkan nama baik daripada media barat sehinggakan dalam pelbagai isu mereka hanya menyuarakan balik pandangan barat.

"Ia menunjukkan rasa rendah diri sendiri," katanya.

Mengenai usaha-usaha menyelamatkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Dr Mahathir berkata walaupun ada antara negara yang nampak mula pulih selepas mendapat bantuan IMF, tetapi ia adalah kerana negara-negara itu kini membenarkan penyertaan asing tanpa had dan bukan kerana bantuan IMF.

Dr Mahathir juga bercakap versi moden sistem perdagangan tukar barang yang akan mengurangkan keperluan dan risiko yang terbabit dalam penggunaan mata wang.

"Pertukaran itu bukan mudah. Banyak yang akan hadapi kerugian kerana pertukaran ini dan pasti menentangnya," dan sebenarnya kita tiada pilihan.

Mengenai kejayaan Asia Timur, Dr Mahathir berkata nilai-nilai yang kuat membantu negara-negara pulih daripada kemelut yang menimpa mereka sekarang ini dan juga pada masa depan.

"Adakah nilai-nilai Asia tidak baik berbanding nilai-nilai Barat?... Sejarah menjawabnya. Kedua-dua perang dunia dan pengguguran bom atom di Asia, pembunuhan rakyat Bosnia - semua ini tidak dimulakan oleh Asia" kata beliau dengan mengingatkan yang urusan mata wang juga bukan ciptaan Asia.

-- BERNAMA
ARA PR